

20 JUN 2001

Sukan-Skuasy

SHAHRON WEE AKAN BERTEMU TRICIA CHUAH PADA SUKU AKHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Pemain Malaysia Sharon Wee dan Tricia Chuah memenang perlawanan pusingan pertama pada Kejohanan Skuasy Terbuka Wanita YTL di Pusat Skuasy Negara di sini hari ini dan kedua-dua pemain akan bertemu pada suku akhir esok.

Sharon Wee, pilihan keempat, dengan mudah menundukkan pemain Jepun Junko Sakuma 9-4, 9-1, 9-0.

Tricia pula menewaskan seorang lagi pemain Jepun Mami Nishio dengan 10-8, 9-3, 9-7.

Perlawanan sungguh hebat pada set pertama dan ketiga tetapi Tricia lebih menyerlah dan tidak banyak melakukan kesilapan.

Sementara itu, pemain Mesir Maha Zein yang juga pilihan utama mara ke suku akhir selepas menumpaskan pemain Hong Kong Christina Mak 9-6, 9-1, 9-4 pada pusingan pertama.

Maha Zein yang lebih berpengalaman menyerang dan bertahan dengan cekap serta tidak memberi banyak ruang kepada Christina Mak untuk bergerak.

Maha Zein akan bertemu pemain England Kate Allison pada suku akhir.

Allison pula mengalahkan pemain Papua New Guines Naluge Guy 5-9, 7-9, 10-8.

Pilihan kedua, Shelley Kitchen dari New Zealand akan menentang pemain Australia Laura Keating pada suku akhir.

Shelley menundukkan pemain England Alison Wray 2-9, 9-3, 9-4, 9-7 sementara Laura menang 9-5, 9-0, 9-3 menewaskan pemain Hong Kong Elise Ng.

Pemain Mesir, Engy Kheirallah yang juga pilihan kelima menumpaskan pemain Jepun Eri Tsuchida 9-1, 9-0, 10-9 dan akan bertemu lawannya dari New Zealand Lara Petera pada suku akhir.

Lara Petera, pilihan ketujuh menewaskan pemain Australia Karen Morrissey 10-8, 4-9, 9-1, 10-8.

-- BERNAMA

AZ HS FAZ